

(1 Februari 2021) Sinan Han'99, P.11

Hari ketiga kes baharu lebih 5,000 kes

Kes sembuh tertinggi dilaporkan pada Ahad iaitu sebanyak 4,522 kes

KUALA LUMPUR

Malaysia mencatatkan jumlah kes sembuh Covid-19 harian tertinggi pada Ahad apabila mencatatkan 4,522 kes, manakala kes baharu harian kekal melebihi 5,000 kes tiga hari berturut-turut, namun menurun sedikit berbanding pada Sabtu dengan 5,298 kes.

Jumlah kes sembuh tertinggi

sebelum ini ialah 4,427 pada 24 Januari lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh adalah 166,049 dan kumulatif kes kini 214,959, sementara bilangan kes aktif sebanyak 48,150.

“Berdasarkan jumlah kes baharu hari ini (Ahad), 5,295 kes merupakan penularan tempatan manakala tiga lagi kes import membabitkan dua warganegara dan seorang warga asing,” katanya dalam satu kenyataan.

Dr Noor Hisham berkata, 313 kes memerlukan rawatan di

Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 127 daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

Katanya, sebanyak 14 kes kematian dilaporkan melibatkan 12 kes di Selangor dan masing-masing satu kes di Sarawak dan Kuala Lumpur, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 760.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, peningkatan jumlah kes harian yang mendadak sehingga melepasi angka 5,000 dalam tempoh tiga



DR NOOR HISHAM

hari berturut-turut ini, disebabkan oleh pelaporan lewat kes ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) Kebangsaan Kementerian Kesihatan (KKM), termasuk kes-kes yang dikesan positif pada 2020.

“Peningkatan kes yang mendadak ini disebabkan oleh saringan bersasar di tempat kerja, saringan kontak rapat dan saringan kumpulan berisiko tinggi, yang dijalankan secara besar-besaran di beberapa negeri.

“Namun begitu, kes-kes yang lewat dilaporkan ini telah

diambil tindakan sewajarnya di lapangan oleh Pejabat Kesihatan Daerah berkenaan,” katanya.

Beliau berkata terdapat juga kelewatan pelaporan menggunakan Sistem Makmal Kesihatan Awam (SIMKA) oleh fasiliti swasta berdaftar, misalnya klinik dan hospital swasta.



“Terima kasih kepada fasiliti swasta yang telah melaporkan kes segera menggunakan SIMKA dan juga pengguna MySejahtera yang membuat laporan sendiri.

“KKM akan bekerjasama dengan semua pihak berkaitan agar isu kelewatan pelaporan kes-kes positif ini dapat ditangani segera,” katanya. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT AHAD


*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 31 Januari 2021

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
214,959	166,049	313	760	+5,298



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 209,661 kes kepada 214,959 kes